



## جابتن مفتي نكري فہيغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan :

Assalamualaikum tuan/puan,

Nama saya Sakinah, bekerja di sebuah klinik swasta di Pahang. Pekerjaan saya adalah membuat tuntutan insurans dari syarikat-syarikat panel yang berdaftar dengan klinik kami. Namun saya ada kerisauan dan tidak pasti dengan yang diarahkan oleh majikan saya.

Beliau mengarahkan saya supaya mengambil peratusan daripada jumlah total sesuatu bil perubatan. Sebagai contoh bil yang harus dibayar oleh seseorang pesakit adalah sebanyak RM70, tetapi apabila pesakit hendak menggunakan insurans daripada syarikat mereka bekerja, bil akan dinaikkan sebanyak 40%, dan jumlah baru akan jadi RM98.

Saya ingin bertanya adakah ini sebuah bentuk riba? Kerana menurut majikan saya, dia harus mengambil peratusan kerana syarikat insurans mengambil masa 3 bulan untuk membuat pembayaran dan syarikat insurans juga akan memotong sebahagian daripada jumlah yang kami claim. Setakat ini cuma ada satu sahaja syarikat yang membuat pemotongan iaitu sebanyak 10%. Syarikat lain tidak memotong jumlah bil, mereka akan membayar jumlah yang tepat.

Satu lagi pertanyaan saya, adakah saya juga bersalah dan berdosa, sekiranya perbuatan ini salah sedangkan saya hanya menurut arahan majikan.

Terima kasih saya ucapkan sekiranya pihak mufti dapat menjawab permasalahan ini.

و عليكم السلام ورحمة الله

و بركاته : Jawapan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabatnya , dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Soalan puan berkait dengan perbahasan feqah di dalam bab Muamalat. Para ulama' fiqh telah membincangkan mengenai permasalahan mengenakan peratusan tertentu terhadap pelanggan yang membayar khidmat mereka dalam tempoh tertentu.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang bersidang pada 28 Julai 2008 telah memutuskan peratus lebihan yang boleh dikenakan kepada peminjam (pelanggan) hanyalah 1% sahaja atas alasan syarak. Ianya sebagai upah (ujrah). Ini menunjukkan bahawa mengenakan peratusan-peratusan tertentu akan membawa kepada penganiayaan kepada seseorang (pelanggan). Ini sebagaimana firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 29 di bawah ini :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ۝

Bermaksud : “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan

*perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu membunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu(29).*

*Ayat ini memberikan gambaran kepada kita, bahawasanya wajib menjauhi segala perbuatan memperolehi harta secara batil seperti memakan riba, rasuah, menipu, mencuri, dan memakan harta anak yatim dan tidak amanah dalam pekerjaan dan perniagaan. Sentiasa tanamkan dalam jiwa perasaan takut akan segala harta yang batil yang boleh memberi kesan negatif pada kehidupan jiwa dan akhlak kerana tiada keberkatan padanya. Ia juga akan menjadi makanan yang haram yang akan masuk ke dalam perut kita dan ahli keluarga yang akan tumbuh menjadi darah daging.*

Kita melihat pula hadis daripada Anas bin Malik RA:

“غَالَا الْبَيْعُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ سَعِزَ لَنَا فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمُسَعِّرُ  
الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الرَّزَّاقُ وَإِنِّي لَأَرْجُو أَنْ أَلْقَى رَبِّي وَلَيْسَ أَحَدٌ مِنْكُمْ يَطْلُبُنِي بِمَطْلَبَةٍ فِي دَمٍ وَلَا مَالٍ”

Maksudnya: “Pernah terjadi kenaikan harga pada masa Rasulullah ﷺ, maka orang-orang berkata: Wahai Rasulullah, tetapkanlah harga untuk kami. Lalu Baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah merupakan Penetapan Harga, Penggenggam, Pembentang dan Pemberi Rezeki. Aku berharap bertemu dengan Tuhanku dan tidak ada seorang pun dari kalian yang menuntut perbuatan zalim yang aku pernah lakukan kepadanya, baik berupa darah (qisas) maupun harta." Riwayat Imam al-Tirmizi (no.1235). Beliau berkata hadis ini hasan sahih.

Hadis ini adalah dalil bahawa haram bagi pemerintah untuk menetapkan harga barang mengikut pendapat yang muktamad dalam mazhab Asy-Syafie. Pendapat yang lemah mengatakan bahawa dibenarkan ke atas pemerintah untuk menetapkan harga pada waktu ghala' (gawat) bagi makanan. Sekiranya imam menetapkan harga barang dan peniaga menyelisihi perintah berkenaan, dibenarkan kepada pemerintah untuk mengenakan hukuman ta`zir kepadanya. Walau bagaimanapun, hukum jual beli itu adalah sahih, mengikut pendapat yang asah (lebih sahih). Rujuk al-Mu`tamad fi al-Fiqh al-Syafie (3/65-66) oleh Muhammad al-Zuhaili.

Pandangan Dr. Yusuf al-Qardhawi dalam kitab Fatwa Dr Qardhawi : “bahawa hukum bekerja di Perbankan Konvensional adalah dharurat dan dibolehkan dan usahalah bekerja bukan secara langsung di jabatan pemprosesan pinjaman, atau mohonlah bekerja di Unit yang lain. Jika anda bekerja diperbankan Yahudi, anda hendaklah berusaha berhijrah kepada bank lain (bank tempatan) memandangkan meletusnya perang dan keganasan antara yahudi dan umat Islam hari ini. Manakala bank milik orang Kristian, tidak ada masalah setakat ini antara umat Islam dan umat Kristian. Amat sukar untuk menentukan milik sebenar bank-bank komersil kerana ia adalah public-listed company (syarikat tersenarai di Bursa saham).”

Maka Jabatan ini berpandangan berasaskan dalil-dalil diatas :

1. Sebagai penyelesaian permasalahan ini ialah dengan cara menetapkan satu harga yang dikehendaki tanpa peratus kepada pelanggan yang membayar dalam tempoh masa yang lama untuk selesaikan pembayaran.
2. Ia tidak melibatkan riba, kerana bukan daripada barangan Ribawi.
3. Tiada satu pun garis panduan daripada kalangan Ulama Asy-Syafie penetapan peratus yang dibenarkan, kecuali barang-barang keperluan semasa yang ditetapkan oleh pihak kerajaan seperti makanan asasi setempat.
4. Dalam hal ini puan tidak bersalah dan berdosa. Kerana berdasarkan pandangan Dr. AlQardawi diatas dikaitkan dengan masaalah yang puan hadapi “adalah dharurat dan dibolehkan dan usahalah bekerja bukan secara lansung”. Namun kami berpandangan eloklah puan mencari peluang kerja yang lain, yang terjamin pentadbirannya mengikut panduan syarak dan ketetapan pemerintah.

Rujukan :

- 1) Al-Quran dan terjemahannya.
- 2) Tafsir Ibnu Kasir, jilid 2, m/s 268-286.
- 3) Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang bersidang pada 28 Julai 2008 4)
- al-Mu`tamad fi al-Fiqh al-Syafie, Prof. Dr. Wahbah Az-Zuhaili.
- 5) kitab Fatawa Al-Qardawi.